

13 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Wartawan)/I

PERGELUTAN BAGI DAPATKAN DOKUMEN SAMAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Satu pergelutan berlaku antara seorang wartawan dan seorang awam yang cuba merampas dokumen saman Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada wartawan itu semasa ia diedarkan di luar bangunan Mahkamah Persekutuan di sini, hari ini.

Dokumen itu ialah salinan saman yang dikemukakan oleh Anwar terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Malaysia meminta mahkamah mengisytiharkan pemecatan beliau daripada Kabinet pada 2 Sept lepas sebagai tidak sah daripada segi perlembagaan.

Kejadian itu berlaku pada lebih kurang pukul 3.30 petang dan identiti lelaki itu yang mendakwa dirinya dari sebuah syarikat penerbitan tidak diketahui.

Ekoran pergelutan itu, dokumen 17-mukasurat itu koyak dengan masing-masing memegang separuh daripada dokumen itu dan sejurus selepas itu pertengkaran berlaku antara wartawan dan lelaki itu.

Beberapa lagi wartawan yang gagal mendapatkan dokumen itu juga masuk campur dalam pertengkaran itu, mempersoalkan hak lelaki itu merampas dokumen itu.

Pergelutan itu berlaku semasa peguam Anwar, Karpal Singh mengedarkan salinan dokumen-dokumen itu yang bilangannya terhad kepada pemberita tempatan dan asing.

Turut berada semasa pergelutan itu ialah isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, anak perempuannya Nurul Nuha dan dua lagi peguam bekas Timbalan Perdana Menteri itu, Pawancheek Merican dan Kamar Ainiah Kamarulzaman.

Pada ketika pertengkaran itu, beberapa pemberita bertanya kepada Karpal sama ada orang awam berhak memiliki dokumen itu.

Karpal yang tidak sedar akan insiden itu kerana sibuk dengan pihak media kemudian menjawab: "Lupakan mereka".

Saman itu dikemukakan oleh Tetuan Karpal Singh and Co di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di Wisma Denmark.

-- BERNAMA

JA KLS PR